

08 OCT 1998

MIC-Polis

MIC MAHU POLIS SIASAT KEJADIAN TEMBAK-MENEMBAK

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- MIC hari ini menggesa polis supaya menyasat kematian 11 orang yang disyaki penjenayah, termasuk seorang ketua Pemuda MIC bahagian, dalam kejadian tembak-menembak berasingan dengan polis baru-baru ini, dengan mengatakan bahawa "kami mahu justifikasi".

Ia membuat gesaan itu selepas mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC selama tiga jam yang dipengerusikan presiden parti Datuk Seri S.Samy Vellu di ibu pejabat parti di sini.

Samy Vellu memberitahu persidangan media kemudian bahawa beliau telah membangkitkan perkara itu pada mesyuarat Kabinet semalam.

Katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata beliau akan meneliti perkara itu.

"Kami mahu siasatan yang menyeluruh dijalankan oleh polis," kata Samy Vellu.

"Dalam kes-kes ini, kami mahu polis memberikan gambaran yang lebih jelas kerana kami telah menerima beberapa panggilan telefon dan surat daripada orang ramai yang meminta supaya perkara itu disiasat dengan rapi," katanya.

Beliau merujuk kepada kejadian tembak-menembak dengan polis Sabtu lepas di Tumpat, Kelantan di mana enam orang lelaki berumur antara 21 dan 38 tahun terbunuh.

Kumpulan lelaki itu yang menaiki sebuah van dikatakan enggan berhenti dan mula menembak ke arah polis yang cuba memintas mereka.

Mereka yang mati dikenali sebagai ketua Pemuda MIC bahagian Tanah Merah S.P.Rajendran, 37; anggota MIC bahagian Tanah Merah S.Ravi, 33; anggota MIC cawangan Ladang Sako S.Ramachandran, 37; pembantu hospital Kuala Lipis K.R.Subramaniam, 38; pekerja Jabatan Kerja Raya Kelantan Ganesan, 28; dan atendan tempat letak kereta Majlis Daerah Kuala Lipis Shanmugam, 21.

Sehari sebelum itu, polis menyerbu sebuah rumah di Taman Sungai Besi di sini dan menembak mati lima orang, termasuk dua wanita, yang disyaki terbabit dalam kes menculik anak lelaki bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib yang berumur 11 tahun.

Mereka yang mati itu dikenali sebagai N.Selvamalar, 31, yang mengandung lapan bulan; suaminya P.Gunasegaran, 32; R.Anbarasan, 39; M.Jeganathan, 24; dan M.Logeswary, 19.

Ketua Polis Selangor Datuk Kamaruddin Hamzah berkata siasatan awal menunjukkan bahawa Selvamalar mungkin terkena peluru sesat semasa kejadian tembak-menembak itu.

"Kematian wanita yang sarat mengandung itu telah menimbulkan banyak persoalan dan simpati daripada banyak orang. Bagi enam lelaki yang ditembak mati di Kelantan itu, keluarga mereka telah menemui dan memberitahu saya bahawa mereka adalah orang biasa dan tidak mempunyai rekod jenayah," kata Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya.

"Perlu ada satu siasatan yang menyeluruh...Ia bukan melibatkan satu atau dua orang tetapi enam orang," katanya sambil merujuk kepada kejadian tembak-menembak di Tumpat itu.

"Bagaimanapun, ini bukan bermakna saya menuduh polis. Kita tahu bahawa polis bersikap profesional dalam melaksanakan tanggungjawab mereka tetapi dalam kes-kes ini, beberapa persoalan harus dijawab," katanya.

Samy Vellu berkata beliau akan membangkitkan perkara itu sekali lagi pada mesyuarat Kabinet yang akan datang.

-- BERNAMA

ES AU RN AKD